

TH PLANTATIONS MEMPERKUKUH PRESTASI OPERASI, MENGEKALKAN HASIL KUMPULAN BAGI SEPARUH PERTAMA TAHUN

Kuala Lumpur, 19 Ogos 2026 – TH Plantations Berhad (“THP” atau “Kumpulan”) mengekalkan hasil yang stabil sebanyak RM410.3 juta bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2026, berbanding RM410.0 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu, meskipun berdepan persekitaran harga komoditi yang lebih rendah.

Kumpulan memperkukuh prestasi operasinya sepanjang tempoh tersebut, dengan pengeluaran buah tandan segar (FFB) meningkat sebanyak 0.9% kepada 332,319 metrik tan (MT) daripada 329,359 MT. OER meningkat kepada 19.84% daripada 19.18%, manakala KER bertambah baik kepada 5.07% daripada 4.64%.

Prestasi operasi yang lebih baik membantu mengurangkan kesan penurunan harga purata CPO direalisasikan, yang menurun kepada RM4,313 per metrik tan daripada RM4,399 per metrik tan bagi tempoh yang sama tahun lalu. Sumbangan daripada peningkatan jumlah pengeluaran serta prestasi perahan yang lebih baik berupaya mengekalkan hasil walaupun dalam persekitaran harga yang lebih rendah.

Untung Sebelum Cukai dan Zakat (USCZ) berjumlah RM55.2 juta, berbanding RM54.5 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan tersebut sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan keuntungan kasar yang mampu menampung kerugian pertukaran asing belum direalisasikan yang lebih tinggi serta pengiktirafan kerugian kemerosotan nilai sepanjang tempoh tersebut.

Untung Selepas Cukai (USC) menurun sebanyak 11.2% kepada RM28.5 juta daripada RM32.1 juta, manakala Untung Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) menurun sebanyak 29.3% kepada RM17.4 juta daripada RM24.6 juta, terutamanya disebabkan oleh bahagian keuntungan tambahan yang lebih tinggi yang dijana sepanjang tempoh tersebut diperuntukkan kepada kepentingan bukan kawalan.

Bagi suku kedua yang berakhir pada 30 Jun 2026, Kumpulan mencatatkan hasil sebanyak RM220.8 juta, berbanding RM226.6 juta bagi suku yang sama tahun lalu. Penurunan tersebut sebahagian besarnya disebabkan oleh jumlah jualan CPO dan isirung sawit (PK) yang lebih rendah, walaupun harga jualan purata yang direalisasikan lebih tinggi pada suku tersebut. USCZ bagi suku tersebut berjumlah RM25.6 juta, berbanding RM29.0 juta bagi suku yang sama tahun lalu. Walaupun berdepan dengan peningkatan kos input pertanian, khususnya baja, susulan konflik yang berterusan di Timur Tengah, prestasi operasi Kumpulan yang bertambah baik telah membantu mengurangkan kesannya.

Menurut Datuk Ts. Borhan Bachi, Ketua Pegawai Eksekutif THP, Kumpulan kekal memberi tumpuan kepada pengukuhan asas operasi di samping mengekalkan pengurusan kos dan modal yang berdisiplin.

“Prestasi separuh pertama tahun ini menunjukkan bahawa disiplin operasi terus menghasilkan penambahbaikan yang ketara di ladang dan kilang kami. Peningkatan dalam pengeluaran FFB, OER dan KER menyediakan asas operasi yang lebih kukuh untuk Kumpulan. Pada masa yang sama, loji janakuasa biogas pertama kami di Kluang, Johor telah beroperasi dengan baik, membuktikan nilai inisiatif kelestarian kami di samping menyumbang secara positif kepada agenda ESG Kumpulan yang lebih menyeluruh.

Walaupun harga komoditi terus dipengaruhi oleh turun naik pasaran, tumpuan kami adalah kepada aspek yang berada dalam kawalan kami — meningkatkan hasil, mengoptimumkan penggunaan sumber dan mengekalkan disiplin kos. Kami akan terus membina penambahbaikan operasi ini bagi memperkukuh daya tahan dan kemampanan pendapatan kami.”

TH PLANTATIONS BERHAD (197201001069 (12696-M))

Tingkat 23, Menara TH Selborn

153, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Tel: 03 2603 4800 Fax: 03 2603 4695



Prospek

Dalam tempoh terdekat hingga sederhana, permintaan yang berdaya tahan dan bekalan eksport yang lebih ketat dijangka terus menyokong pasaran minyak sawit. Permintaan dijangka didorong oleh pelaksanaan mandat biodiesel yang berterusan, khususnya program B50 Indonesia, permintaan bermusim sempena perayaan, harga minyak mentah yang kekal kukuh serta perkembangan geopolitik yang berterusan di Timur Tengah.

Dari sudut bekalan, jumlah bekalan untuk eksport yang terhad serta perubahan dasar minyak sawit di Indonesia berpotensi untuk terus menyokong asas pasaran. Potensi kemunculan El Niño menjelang akhir 2026 dan awal 2027 juga boleh meningkatkan risiko bekalan serta turun naik pasaran.

Bagi TH Plantations, pengeluaran dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun ini, disokong oleh peningkatan berterusan dalam kecekapan penuaian, produktiviti dan prestasi kilang. Peningkatan kos input pertanian dan bahan api susulan konflik yang berterusan di Timur Tengah mungkin memberi tekanan sementara kepada kos pengeluaran. Walau bagaimanapun, tekanan kos ini dijangka berkurangan sekiranya konflik tersebut tidak berpanjangan.

Sehubungan itu, Kumpulan kekal optimistik secara berhati-hati terhadap prospek pendapatannya bagi baki tahun 2026.

Mengenai THP

Sebagai cabang perladangan kepada Lembaga Tabung Haji, THP terlibat terutamanya dalam penanaman kelapa sawit dengan keluasan tanaman melebihi 55,000 hektar merangkumi 31 ladang dan 6 kilang di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta di Kalimantan, Indonesia. THP mula diperbadankan pada tahun 1972 sebagai Perbadanan Ladang-Ladang Tabung Haji Sendirian Berhad dan telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 27 April 2006.

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Asmad Putra bin Abdul Samad
Ketua, Perhubungan Pelabur & Komunikasi Korporat
TH Plantations Berhad
Tel: +603 2603 4774 Mobile: +60123785701
Email: asmadputra@thplantations.com*

TH PLANTATIONS BERHAD (197201001069 (12696-M))

**Tingkat 23, Menara TH Selborn
153, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03 2603 4800 Fax: 03 2603 4695**

